

# UPM, PAM bangun GBI

Cari kami

Sinar

@facebook



● Dr Aini Ideris dan Chor Wah bertukar dokumen MoU disaksikan Dr Osman (belakang kiri) dan Pengerusi Sustainability Committee PAM Ar, Dr Tan Loke Man (belakang kanan).

**SERDANG** – Universiti Putra Malaysia (UPM) memeterai kerjasama melalui memorandum persefahaman (MoU) dengan Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) bagi membangunkan Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Dekan Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina, Prof Madya Dr Osman Mohd Tahir berkata, dua bidang yang terlibat dalam kerjasama itu ialah bidang pengajaran dengan menerapkan GBI dalam pengajaran jurusan seni bina oleh Jabatan Seni Bina, Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina, UPM dan dalam bidang penyelidikan bagi menaiktaraf, menyelaras dan mengubahsuai sistem GBI yang sedia ada dari semasa ke semasa.

"Pihak fakulti akan menerapkan GBI dalam pengajaran terutamanya seni bina, pelajar digalakkan menerapkan GBI dalam usaha melestarikan bangunan yang direka di samping memaklumkan kepada PAM tentang kesesuaian dan permasalahan yang mungkin timbul dari sistem ini.

"Ruang penyelidikan yang dimainkan oleh UPM akan menaiktaraf sistem sedia ada dalam pembangunan GBI untuk jangkamasa panjang," katanya pada majlis itu.

Menurutnya, GBI mula diusahakan oleh PAM sejak 2008 dan dibangunkan dengan mengambil kira pendapat dan pandangan pihak industri serta dari sistem sedia ada seperti Leeds (Amerika Syarikat), Green Star (Australia) dan Green Mark (Singapura).

"GBI Sdn Bhd ditubuhkan untuk menguruskan skema pensijilan dan terdapat enam kategori penilaian di dalam sistem ini, iaitu kecekapan guna tenaga, kualiti udara dalaman, perancangan dan pengurusan tapak, bahan dan sumber, kecekapan guna air dan inovasi.

"GBI sebagai panduan yang akan mengambil kira keperluan khas negara dengan memberi penekanan kepada ciri-ciri seni bina tropika dan sebagai strategi pemasaran yang akan mengambil kira aspirasi masyarakat yang semakin celik terhadap isu-isu alam sekitar dan pembangunan mapan," kata Ar. Lee Chor Wah yang adalah Presiden PAM.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris berkata, berikutan isu

pembangunan mapan menjadi agenda utama dalam pembangunan di seluruh dunia pada masa kini, pelbagai usaha dilakukan bagi memastikan sektor pembinaan memberi perhatian terhadap isu-isu pembangunan mapan.

"GBI adalah satu usaha yang telah dijalankan oleh PAM bagi menyediakan sistem penarafan yang sesuai dengan iklim dan persekitaran Malaysia dan sistem ini telahpun dilancarkan Menteri Kerja Raya pada 21 Mei lalu.

"Inisiatif untuk bekerjasama dalam pemakaian dan ujikaji GBI dalam program

senibina di UPM amat dialu-alukan dan saya ber-

harap para pensyarah dan pelajar akan mendapat manfaat besar dan seterusnya dapat memberi kelebihan kompetitif kepada graduan senibina UPM pada masa akan datang," kata Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris dalam ucapannya di sini.

MoU tersebut ditandatangani oleh Prof. Datin Paduka Dr Aini Ideris mewakili UPM dan Ar Lee Chor Wah mewakili PAM.

## pembangunan mapan